



KENYATAAN MEDIA

'LUAR BIASA' PERKONGSIAN TERBAHARU PERKESO, PAPAR KISAH SEBENAR INDIVIDU HILANG UPAYA KEMBALI BEKERJA

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerbitkan program televisyen terbaharunya '**LUAR BIASA**' yang akan mengetengahkan kisah dan pengalaman individu hilang upaya yang dapat kembali bekerja setelah mengikuti **Program Return To Work (RTW) PERKESO**.

Program televisyen '**LUAR BIASA**' menyelami kisah suka dan duka peserta Program RTW yang juga merupakan Orang Berinsurans (OB) PERKESO apabila diduga dengan masalah kecacatan kekal seperti kelumpuhan dan amputasi pada anggota badan akibat kemalangan atau faktor kesihatan. Walaupun diuji sedemikian rupa, mereka bangkit mendepani setiap kekurangan dengan sokongan dan bimbingan yang diberikan melalui Program RTW PERKESO.

Berkonsepkan sesi bual bicara santai dengan unsur sketsa, program realiti **13 episod** ini menggandingkan dua selebriti terkenal tanah air, **Norman Hakim** dan **Shiha Zikir** sebagai pasangan pengacara. Sesi perbincangan dalam setiap episod mengetengahkan beberapa topik diskusi yang menarik dan pelbagai bersama barisan tetamu jemputan yang terdiri daripada pakar, selebriti dan juga pengurusan kanan PERKESO.

Program ini akan turut menyelitkan peranan dan aktiviti yang dijalankan di bawah Program RTW PERKESO, selain turut menyajikan maklumat terkini berkaitan skim-skim perlindungan dan inisiatif terbaharu PERKESO kepada penonton.

Bakal menemui penonton mulai **4 Jun** ini, '**LUAR BIASA**' akan disiarkan setiap **Jumaat**, jam **9.00 malam** di **saluran 125 - Astro Prima (SD)** dan **saluran 105 - Astro Prima HD**. Bagi yang terlepas untuk menonton program ini di televisyen, ia juga boleh ditonton di saluran **YouTube rasmi PERKESO**.

Sejak diperkenalkan pada tahun **2007**, Program RTW PERKESO telah berjaya membantu memulihkan seramai **36,159** individu untuk kembali bekerja dengan selamat setelah mengalami hilang upaya fizikal atau mental akibat kemalangan atau serangan penyakit.

PERKESO menerusi Program RTW juga telah berjaya menerbitkan sebanyak **3 program realiti** televisyen lain sebelum ini iaitu program '**DAHSYATNYA PERKESO**' (**2016**), '**INSPIRASI HARAPAN**' (**2017**) dan '**BANGKIT #PERKESOPRIHATIN**' (**2018**).

DIKELUARKAN OLEH
CAWANGAN KOMUNIKASI STRATEGIK
1 JUN 2021

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Izad Hj Raya, Ketua Pegawai Komunikasi di talian +6012 – 6377 890 atau Shafiq Adnan di talian +6018 324 6720